

Kesan Negatif LGBT Dan Pandangan Menurut Perspektif Islam

Noor Habibah binti Kaderan, PhD
masbib@yahoo.com

IPG Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Kebelakangan ini, semakin ramai pemuda di Malaysia yang telah semakin liar menwar-warkan diri mereka sebagai golongan LGBT. Hal ini amatlah membimbangkan kerana ia merupakan suatu langkah ke arah mengiktiraf golongan ini di Malaysia. Usaha untuk menolak ajaran dari anasir-anasir luar ini adalah sangat sukar, malah usaha untuk membetulkan semula fikrah anak-anak muda zaman ini adalah merupakan satu cabaran. Tujuan penulisan ini adalah memberi input kepada murid, guru dan masyarakat untuk menghindarkan diri dan terjebak dengan kegiatan LGBT kerana ia banyak memberi kesan negatif kepada individu, masyarakat, agama dan kesihatan. Selain itu, penulisan ini juga memaparkan pandangan kegiatan ini menurut perspektif Islam. Penulisan ini dapat memberikan panduan kepada para murid, guru dan masyarakat untuk bersama-sama menjalani gaya hidup sihat. Ilmu pengetahuan berkenaan LGBT akan mengelakkan dari terjebak dalam permasalahan ini kerana ia dilarang dari aspek agama dan boleh membawa kemudharatan. Penulisan ini dapat memberikan implikasi yang besar dalam sistem pendidikan kerana untuk menghasilkan generasi yang cemerlang pada masa hadapan, mereka perlu menghindarkan diri dari gejala negatif seperti ini.

Kata Kunci : LGBT, seksual, sosial, remaja, Islam

Abstract

Lately, more Malaysian youths have become increasingly wildly outlawing themselves as LGBT groups. This is particularly alarming as it is a step towards recognizing this group in Malaysia. Not only did the efforts to reject the teachings of these external elements become increasingly difficult, but coupled with the efforts to rectify the teachings of the youth of this age. The purpose of this writing is to provide input to students, teachers and the public to avoid and be trapped in LGBT activities as it affects individuals, communities, religions and health. In addition, this paper also illustrates the views of this activity according to Islamic perspective. This writing can provide guidance to students, teachers and the community to work together to avoid getting caught up in this problem as it is prohibited from religious aspects and can lead to a healthy lifestyle. This writing can have a great implication in the education system as the successful students avoid these symptoms is a great achievement to be an excellent student.

Keywords: LGBT, sexual, social, teen, Islam.

Kebelakangan ini, semakin ramai pemuda Malaysia telah semakin liar menwar-warkan diri mereka sebagai golongan Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT). Hal ini mungkin dipengaruhi oleh budaya barat yang menganggap LGBT sebagai suatu kebiasaan di negara mereka. Melalui kecanggihan teknologi maklumat dan media sosial, sering terpapar kepada generasi muda zaman ini maklumat mengenai LGBT di barat yang tidak terbatas. Ia secara langsung akan memupuk suatu *mindset* bahawa LGBT itu merupakan perkara yang biasa pada zaman ini. Hal ini amatlah membimbangkan kerana ia merupakan suatu langkah ke arah mengiktiraf golongan ini di Malaysia. Situasi ini menyebabkan usaha untuk menolak ajaran dari anasir-anasir luar ini menjadi semakin sukar.

Merujuk kepada laman sesawang kamus atas talian Cambridge, LGBT merupakan akronim untuk Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender. LGBT di dalam situasi ini merujuk kepada orientasi

seksual seseorang. Menurut American Psychology Association (APA), orientasi seksual didefinisikan sebagai suatu corak emosi, romantik, atau tarikan seksual dari lelaki kepada perempuan (heteroseksual), tarikan sejenis (homoseksual), atau tarikan kepada kedua-dua jantina (biseksual). 'T' adalah untuk Transgender. Suatu identiti yang digunakan bagi melabelkan golongan yang ekspresi gender mereka tidak selari dengan jantina mereka yang telah ditetapkan ketika mereka lahir lagi.

Perjuangan golongan ini perlu mendapat tentangan dari segenap sudut masyarakat kerana ia membawa satu budaya negatif yang memberikan kesan buruk kepada masyarakat. Penulisan ini diharap dapat menjadi panduan kepada para murid agar menjauhi gejala ini pada peringkat awal. Sistem pendidikan perlu mengambil serius perkara ini agar generasi muda tidak terjebak dalam LGBT bagi melahirkan bakal insan yang mempunyai nilai murni dan sihat.

Perbincangan

Dasawarsa ini, Malaysia menghadapi cabaran pertembungan budaya dan sosial. Antara yang menghantui masyarakat kini adalah LGBT yang membawa budaya songsang. Antara faktor yang membawa kepada perkembangan budaya songsang tersebut antaranya adalah liputan media massa dan media cetak berkaitan isu LGBT serta pembentukan dan perluasan kumpulan sosial LGBT. Aktiviti homoseksual sudah lama bertapak di Malaysia tetapi ianyanya mula hangat diperbincangkan apabila media membuat liputan mengenainya. Selain itu, berita dan artikel berkaitan LGBT turut menjadi paparan utama akhbar. Jika dahulu media cetak menjadi pelopor utama dalam menyiarkan berita ini. Kini, akhbar ini telah mewujudkan portal di Internet dan mudah diakses oleh rakyat marhaen terutama di kalangan anak muda. Kejayaan beberapa personaliti LGBT dalam bidang perniagaan misalnya, kumpulan ini telah mendapat liputan yang agak meluas dalam debat kontemporari. Gerakan pertubuhan bukan kerajaan yang menyokong budaya LGBT ini turut menyumbang kepada perkembangannya. Pertubuhan-pertubuhan ini turut menyertai gabungan COMANGO yang memperjuangkan hak asasi manusia, nilai martabat, kehormatan, kepelbagaian dan kesaksamaan. COMANGO pernah membuat beberapa tuntutan antaranya mengiktiraf hak-hak orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI) terutamanya hak-hak LGBT. Tuntutan ini turut merangkumi kepada amalan kebebasan orientasi seksual termasuk memberi kebenaran untuk mengiktiraf perkahwinan sesama jenis. Terkini, mereka turut mengambil kesempatan perubahan kerajaan Malaysia dengan mengatakan Malaysia Baharu tidak bermakna tanpa perubahan. Mereka menuntut supaya golongan mereka diberi hak sama rata.

Sekalipun dengan penyebaran dan penglibatan golongan LGBT yang semakin menular ini, usaha untuk menghalang dan menyekatnya tidak pernah berhenti. Malaysia sebagai sebuah negara Islam melarang perkahwinan atau hubungan seksual antara sesama jenis. Ditambah lagi dengan perbuatan songsang itu yang jelas bertentangan dengan budaya ketimuran dan ajaran agama masyarakat setempat. Perbuatan sodomi dan lesbian juga dianggap sebagai jenayah di bawah undang-undang Malaysia. Seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan: "Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu". Sebagaimana masyarakat timur yang kaya dengan budaya dan berpegang teguh dengan ajaran agama, LGBT bukan perkara yang baik untuk diperjuangkan dan diamalkan. LGBT perlu ditentang dan dirawat dengan segera agar ia tidak menjadi suatu budaya yang akan diamalkan oleh generasi yang akan datang. Tambahan pula, hasil daripada soal selidik mendapati majoriti menolak LGBT kerana dianggap tidak bertamadun dan mampu memberi kesan negatif kepada diri dan masyarakat.

Golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender harus dikawal dan dicegah melalui pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Tindakan agresif perlu diambil agar golongan ini tidak terus memperlekeh dan menghina perundangan syariah di Malaysia. Wujudnya perlembagaan Persekutuan dengan membawa hasrat bagi menjulang agama Islam sebagai agama negara secara jelas menunjukkan bahawa tiada sesiapa pun di dalam negara Malaysia ini yang boleh memperlekeh dan mengengapikan undang-undang Jenayah Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri-

negeri di seluruh Malaysia. Dibawah akta yang sama pada Seksyen 26 dinyatakan: “Mana-mana orang perempuan yang melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”

Jabatan kerajaan dengan kerjasama NGOs Islam yang lain telah berjaya merancang dan kini sedang melaksanakan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruhan Gender. Pelan ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan isu gejala sosial LGBT dan juga isu kekeluargaan disamping memberi pendekatan kepada Islam dan membimbing golongan LGBT untuk pulih seperti sedia kala. Tambahan lagi, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri turut hadir menyantuni komuniti LGBT di sekitar Kuala Lumpur. Menurut beliau, dengan menyantuni masyarakat, kita akan sedar bahawasanya skop bidang dakwah bukan tertumpu kepada satu kelompok masyarakat sahaja, tetapi melangkaui bahagian terpencil yang dianggap tidak bersih dalam masyarakat atau dianggap sedikit hina.

Kesan LGBT terhadap Individu

Perbuatan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender banyak memberikan kesan yang boleh dibahagikan kepada empat aspek iaitu terhadap individu, masyarakat, agama dan juga kesihatan. Antara kesan terhadap individu adalah, maruah individu tersebut akan tercalar. Seseorang yang terlibat atau melibatkan diri dalam kancah LGBT ini ibarat terjun ke dalam sebuah kolam kotor yang sangat dalam dan sukar untuk naik semula. Begitulah perumpamaan yang boleh diberikan kepada mereka yang menyertai gejala ini tanpa berfikir panjang.

Maruah individu akan tercalar apabila masyarakat sekeliling mencemuh, memaki, mengejek dan menyindir mereka. Maruah diri mereka dibiarkan tercalar kerana keinginan untuk menjalankan aktiviti ini berleluasa. Selain itu, individu tersebut juga akan dibuang oleh masyarakat di atas perbuatan songsang mereka. Hal ini kerana aktiviti yang mereka lakukan amatlah bertentangan dengan norma kehidupan seorang manusia. Sebuah masyarakat yang normal, perlu mempunyai adat dan pegangan agama yang kuat. Masyarakat pasti tidak akan menerima golongan LGBT kerana perbuatan mereka berlawanan dengan fitrah manusia biasa iaitu manusia diciptakan berpasang-pasang, begitu juga binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Kesan LGBT terhadap masyarakat

Perbuatan LGBT juga boleh memberikan kesan negatif terhadap masyarakat iaitu ia mampu menghancurkan institusi kekeluargaan. Dalam kehidupan bermasyarakat, seseorang yang tidak mematuhi peraturan masyarakat, ianya akan disingkirkan daripada masyarakat tersebut. Hal ini kerana mereka akan membawa masalah dalam masyarakat. Sebagai contoh, golongan LGBT atau ahli masyarakat yang terlibat dengan LGBT akan diusir oleh masyarakat kerana dikhuatiri akan mempengaruhi individu lain untuk menyertai mereka.

Kesan LGBT terhadap masyarakat amatlah dasyat, kerana perkara ini melibatkan maruah sekumpulan manusia yang sentiasa menjaga adat tatasusila dan pegangan agama. Kelakuan gejala songsang ini juga akan mengakibatkan sesebuah masyarakat binasa. Di zaman nabi Lut a.s kaum Sadum, negeri mereka telah ditimpa dengan tanah runtuh yang amat dahsyat hingga tidak ada seorang pun yang terselamat. Kesemuanya telah ditenggelamkan oleh Allah dengan timbunan tanah dan kaum Sadum telah dibinasakan oleh Allah. Demikianlah balasan Allah terhadap kaum yang ingkar dengan arahan-Nya.

Kesan LGBT terhadap agama.

Seterusnya kesan LGBT terhadap agama adalah sangat serius dan besar dimana sesebuah sistem kekeluargaan akan musnah dengan perbuatan LGBT ini. Golongan yang menjalankan kegiatan ini bagaikan satu wabak yang akan menjadi kanser dan menjadi satu penyakit parah dalam masyarakat

dengan ancaman dahsyat yang membawa kesan negatif serta boleh merosakkan fabrik sosial. Sudah pasti masalah LGBT akan melawan arus sistem agama, kemanusiaan dan keluarga. Mereka yang memilih serta terjebak di dalam budaya songsang ini dengan jelasnya melakukan sesuatu yang tidak normal dan tidak menghormati institusi keluarga, agama dan aspek moral.

Jika kita lihat daripada perspektif yang lebih luas, budaya ini akan merosakkan sistem sosial dan sistem kekeluargaan. Sebagai contoh, ibu bapa kepada kumpulan LGBT ini akan menerima tempias yang agak dahsyat. Jika mereka mendapati anak-anak mereka terlibat dalam golongan LGBT ini, pasti mereka akan melalui diskriminasi, penderaan lisan, dan kemungkinan serangan fizikal oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Sementara itu, ibu bapa akan mengalami “public stigma” apabila mereka merasakan mereka yang bertanggungjawab menyebabkan anak mereka menjadi seperti dalam golongan tersebut. Tambahan pula, anak-anak yang terlibat akan dibuang atau diusir oleh ibu bapa sendiri kerana khuatir akan membawa perkara malang kepada keluarga tersebut.

Daripada perspektif Islam, aktiviti LGBT amat dilarang oleh Allah swt kerana perkara ini melanggar fitrah manusia. Seperti golongan gay atau lesbian, tujuan setiap perkahwinan yang sah adalah untuk memanjangkan zuriat sesebuah keluarga. Jika dalam institusi kekeluargaan tersebut mempunyai aktiviti yang songsang seperti si suami mempunyai pasangan lelaki lain, maka matlamat Islam untuk memanjangkan zuriat yang baik tidak akan dicapai dengan baik. Institusi kekeluargaan akan mengalami porak peranda kerana mengamalkan aktiviti yang keji ini.

Pada tahun 2012 sahaja, terdapat puluhan kes cerai akibat daripada hubungan songsang yang telah dilaporkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (Utusan Online, 1/4/2012). Ini disebabkan oleh terdapatnya pendirian biseksual oleh si suami atau si isteri itu. Bisexual seperti biasa adalah minat atau gemar terhadap dua jantina. Golongan ini agak sukar untuk kita memastikan sama ada individu tersebut terlibat atau tidak dalam hubungan songsang kerana fizikalnya mereka kelihatan normal. Hal ini akan menjadi barah dalam institusi kekeluargaan jika si suami atau si isteri mempunyai hubungan sulit yang songsang dengan jantina yang sama.

Selain itu, timbul juga masalah terhadap agama iaitu matlamat rumah tangga menjadi kabur. Islam menggalakkan perkahwinan untuk mendapatkan keredhaan Allah swt, mengikuti sunnah Nabi Muhammad s.a.w dan mengawal hawa nafsu dengan cara yang halal. Sekiranya salah seorang pasangan suami atau isteri yang terlibat dengan LGBT ini, kesannya juga akan berbalik kepada keluarga tersebut dan seterusnya akan menggugat keimanan diri kepada Allah swt.

Kesan LGBT terhadap kesihatan

Seterusnya, kita seharusnya melihat kesan LGBT ini ke atas kesan kesihatan kepada individu yang terlibat dalam golongan LGBT ini. Antara penyakit yang biasa kita dengar dan lihat di media massa sekarang ialah HIV/AIDS. HIV atau Human Immunodeficiency Virus adalah virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang dan boleh menyebabkan AIDS. Apabila seseorang sudah memasuki peringkat AIDS, pesakit mudah mendapat jangkitan kuman dan kanser. AIDS adalah singkatan bagi “Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit” dan adalah peringkat terakhir jangkitan HIV.

HIV adalah sejenis virus yang senang merebak jika mereka terlibat dalam golongan LGBT ini. Lebih membimbangkan, statistik menyatakan bahawa lebih 95,000 orang menghidap HIV di negara kita (mstart, 1 Disember 2017). Seperti mana yang kita tahu, HIV merebak melalui seks bebas bersama individu yang telah dijangkiti. Golongan LGBT kebiasaannya akan melakukan hubungan seks bebas dengan kerap bersama berlainan pasangan. Malahan, statistik juga menyatakan bahawa golongan Homoseksual adalah golongan yang banyak menyumbang kepada kenaikan pesakit HIV di negara kita, dan diikuti dengan Heteroseksual (pasangan biasa). Antara cara lain adalah dengan berkongsi jarum dan alat suntikan dengan penagih yang mempunyai darah HIV ini dan ibu yang dijangkiti boleh merebakkan HIV kepada bayinya ketika dalam rahim, melahirkan atau sewaktu menyusu.

Tetapi dengan ini, terdapat banyak stigma yang lahir daripada masyarakat kita bahawa penghidap HIV ini adalah jijik dan kotor dan senang merebakkan virus tersebut dengan hanya bersentuh. Sangkaan ini adalah salah sama sekali. HIV tidak boleh merebak melalui sentuhan seperti duduk bersebelah, berjabat tangan, memeluk atau bekerja dengan pesakit AIDS. HIV juga tidak boleh merebak melalui berkongsi kemudahan awam seperti telefon awam, kolam renang, tandas dan pengangkutan awam. Orang yang tidak dijangkiti juga tidak akan dijangkiti dengan bersin, batuk, berpeluh atau kencing daripada orang yang dijangkiti kerana virus HIV hanya terdapat dalam air mani, cecair faraj, darah dan susu ibu sahaja.

Terdapat banyak simptom atau tanda-tanda anda dijangkiti dengan HIV dan yang paling biasa diketuai adalah demam yang berpanjangan. Tetapi, virus HIV tidak dapat dilihat dengan mata kasar, ianya boleh dikesan oleh pemeriksaan darah sahaja. Anda hanya akan tahu status HIV anda hanya dengan menjalani pemeriksaan di klinik sahaja. Jika pemeriksaan HIV seseorang menunjukkan keputusan yang positif, mereka tidak perlu risau dan khuatir kerana terdapat banyak ubat yang dapat melemahkan pembiakan virus HIV di dalam badan manusia dan seterusnya dapat mengekalkan kesejahteraan dan kesihatan seseorang.

Ubat tersebut dipanggil HAART (Highly Active Anti-retroviral Therapy). HAART adalah kombinasi 3 jenis ubat antiretroviral (daripada 2 kelas ubat). Pesakit HIV perlu memakan sehingga 3 jenis kombinasi ubat antiretroviral adalah disebabkan keberkesanan yang optimal untuk melambatkan pembiakan virus HIV dalam badan manusia. Ini disebabkan penawar bagi HIV belum lagi ditemui oleh pakar-pakar doktor. Fungsi ubat ini juga mengurangkan risiko jangkitan kuman lain dan dapat meningkatkan kualiti hidup serta meningkatkan sistem daya pertahanan badan.

Kebiasannya pesakit HIV ini perlu mematuhi pemakanan ubat HAART pada setiap masa yang telah ditetapkan untuk memastikan longgokan virus HIV turun dan bilangan sel CD4 (sel darah putih) meningkat. Kebiasannya, HAART perlu diambil dua kali sehari atau sekali sehari dan tepat pada masanya. Perlu diingatkan bahawa ubat HAART ini perlu diambil sepanjang hayat kerana masih tiada lagi penawar yang berkesan untuk membunuh 100 peratus kuman HIV ini. Setiap ubat pasti mempunyai kesan sampingan yang tersendiri. Kesan sampingan ubat HAART ini juga agak minimal jika mendengar nasihat doktor sebelum memulakan rawatan ini. Kita perlu menarik nafas lega bahawa ubat HAART ini adalah percuma dan dibekalkan di seluruh klinik kesihatan dalam negara. Jika tiada subsidi terhadap ubat-ubatan ini, kos yang perlu ditanggung oleh pesakit HIV adalah lingkungan

Kesimpulannya, pesakit yang menghidap HIV sudah tidak terperangkap dengan stigma “death sentence” yang diberikan oleh masyarakat sekeliling. Dengan adanya ubat HAART ini, pesakit boleh hidup dengan kehidupan yang biasa dan dapat panjangkan hayat seseorang pesakit itu. Akan tetapi, diskriminasi dan stigma yang melekat di dalam sanubari setiap masyarakat setempat menyebabkan pesakit HIV mengambil kata putus untuk mendiamkan diri daripada memberitahu status mereka kepada orang ramai. Kesedaran tentang pentingnya HIV/AIDS ini amat penting kepada masyarakat kita disamping memberi keyakinan kepada pesakit HIV untuk terus hidup seperti biasa.

Penyakit seterusnya yang akan muncul kebiasannya dalam golongan LGBT ini adalah penyakit kelamin iaitu Sifilis atau Gonorea. Terdapat ramai bilangan pesakit yang menghidapi penyakit kelamin ini. Sifilis disebar melalui hubungan seks secara oral, dubur dan vagina. Terdapat banyak peringkat dalam sifilis dimana setiap peringkat mempunyai simptom yang tertentu. Sifilis ini sangat membahaya jika ianya tidak dirawat. Jika berlakunya kerosakan padal otak dan masalah kesihatan yang serius, ia tidak dapat dirawat lagi dan seterusnya akan boleh membawa maut. Jika ibu yang hamil akan mengjangkiti kepada kandungannya dan seterusnya kecacatan bayi yang teruk akan berlaku sejak daripada lahir. Sifilis juga didiagnosa melalui pemeriksaan dan ujian darah dan akan diberikan antibiotik. Jika seseorang itu makin kronik, rawatan yang diperlukan adalah lebih lama. Malangnya, kerosakan pada tubuh badan pada peringkat akhir tidak dapat dirawat lagi.

Bagaimana dengan Gonorea pula? Gonorea adalah bakteria yang berjangkit dari seorang individu ke individu lain melalui hubungan seks vagina, dubur atau oral, walaupun individu yang

berjangkit tidak menunjukkan sebarang gejala. Simptom yang biasa ditemui pada penghidap Gonorea adalah terdapat cecair putih atau kekuningan yang keluar daripada salur kencing lelaki. Kesan penyakit ini akan menyebabkan epididimis dan buah zakar menjadi sakit dan bengkak serta menyebabkan Penyakit Radangan Pelvik (PID) bagi perempuan. Sama sahaja seperti Sifilis, penyakit ini boleh dirawat melalui antibiotik dan ianya boleh dijangkiti semula jika ada berlaku hubungan langsung “contact” dengan orang yang dijangkiti dengan penyakit tersebut.

Kita dapat lihat bahawa penyakit-penyakit ini akan muncul jika kita kerap melakukan hubungan songsang atau luar tabi’i dan hal ini agak merungsingkan jika ramai di kalangan kita menghidapi salah satu daripadanya dan tidak mendapatkan rawatan. Ini menyebabkan akan membawa padah atau kesusahan kepada orang lain. Kesan kepada kesihatan terhadap penglibatan LGBT ini perlu dipandang serius dan perlu dititikberatkan oleh semua golongan di Malaysia. Peranan Kementerian Kesihatan sudah pun banyak disumbangkan kepada rakyat dengan pemberian subsidi ubat dan rawatan percuma kepada pesakit di klinik kesihatan yang berdekatan.

Perspektif Islam terhadap LGBT

Terdapat banyak hadith berkenaan larangan perlakuan LGBT yang dikemukakan oleh ilmuan tentang homoseksual (liwat), lesbian (al-sihaq) dan transgender (al-mutasyabbih). Perspektif Islam terhadap LGBT adalah terang lagi bersuluh bahawa kegiatan LGBT ini adalah haram dan menyalahi di sisi syariat Islam. Terdapat dalam kalangan orang muslim yang mempunyai orientasi non-heteroseksual berdiri teguh di atas jalan Islam. Bahkan ada yang berjaya menghilangkan ketertarikan seksual sesama jenis. Perbincangan tentang punca ketertarikan seks sesama jenis bukanlah hal yang utama bagi komuniti LGBT. Pandangan sama ada orientasi seksual boleh diubah atau sebaliknya juga bukan permasalahan uiam. Mereka yakin jika hal ini diperdebat secara berterusan, akhirnya akan saling menyalahkan dan membenarkan diri sendiri sahaja.

Mereka hanya memahami bahawa pada satu peringkat pembesaran, mereka mengalami ketertarikan seks kepada sesama jenis. Walau apa pun penyebabnya, perkara tersebut ternyata ditetapkan oleh Allah swt. Semua itu adalah ujian daripadaNya. Firman Allah swt yang bermaksud “*Setiap yang bernyawa akan merasai mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.*” (al-Anbiya 21:35). Ayat ini menjelaskan bahawa ujian boleh berupa keburukan dan kebaikan dalam pelbagai bentuk. Oleh itu, apa-apa pandangan tentang orientasi non-heteroseksual atau LGBT, sama ada ianya baik atau tidak baik haruslah diambil iktibar dan menempuhnya dengan keimanan.

Sememangnya berat ujian menjadi muslim yang mempunyai naluri non-heteroseksual. Namun, mereka percaya bahawa Allah swt akan menjadikan mereka manusia yang unggul dan berkualiti. Perspektif Islam terhadap LGBT juga yang ingin hidup di jalan Allah boleh dikatakan tidak “munafik” kerana mereka sedaya upaya untuk melaksanakan tuntutan agama dengan sepenuh jiwa walaupun mengingkari apa yang mereka hadapi iaitu orientasi seksual sesama jenis. Siapa lah kita untuk menghukum mereka yang ingin berubah ke jalan yang benar daripada kesusahan dan kepayahan terlibat dalam golongan LGBT tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, isu berkaitan LGBT ini yang membawa kepada fahaman budaya songsang serta melawan arus. Mereka yang memilih serta terjebak dalam budaya songsang ini dengan jelasnya telah melakukan sesuatu yang tidak normal serta tidak menghormati institusi keluarga, agama dan aspek moral. Akibat daripada pembudayaan negatif ini, kemusnahan sistem sosial akan berlaku dengan pecangahan nilai dan adat budaya timur.

Dalam usaha untuk membangunkan dan mengekalkan nilai murni yang baik, anak-anak yang terjerumus ke dalam gejala LGBT tidak patut disisihkan dan dibiarkan. Mereka perlu diberikan perhatian secukupnya bagi menyedarkan mereka bahawa apa yang mereka lakukan itu adalah salah.

Institusi kekeluargaan dilihat agen yang paling penting untuk menyedarkan golongan ini. Walaupun golongan LGBT ini amat sukar untuk dikenali, namun ia perlu dibendung melalui kempen yang berkesan dan juga kerjasama antara badan bukan kerajaan. Masyarakat di Malaysia perlu sentiasa diingatkan mengenai kesan-kesan negatif mengamalkan LGBT di samping memberi informasi mengenai isu ini agar dapat ditentang dan ditolak masyarakat.

Rujukan

- Ashgar Ali. 2018. LGBT: An Evaluation of Shariah Provisions and The Laws of Malaysia and Nigeria
- Cambridge Dictionary. 2011. Meaning of “LGBT” in the English Dictionary. Diperoleh dari <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/lgbt>
- Hargeet Kaur Basant Singh. 2012. Bahaya Sifilis. diperoleh pada 27 April, 2012. <http://www.myhealth.gov.my>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. Pelan Tidakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruhan Gender. diperolehi dari <http://www.islam.gov.my>
- Johari Yap. 2018. Bahaya ancaman Lgbt. diperoleh dari <http://www.sinarharian.com.my>.
- Muhammad Akmal Abdullah. 2016. Kesan LGBT dalam masyarakat. diperoleh dari <http://akmalmenulis.blogspot.com>
- Paul, Priyanka, Sunita . 2013. Role Of Mass Media In Social Awareness. United Kingdom.
- Rashid. 2018. Pernah dengar pasal Comango?. diperoleh pada 21 May 2018. <https://www.ismaweb.net>
- Wan Mohd Zahiruddin. 2012. Bahaya HIV dan AIDS. diperoleh pada 26 April 2012. <http://www.myhealth.gov.my>.
- Zaini Abdul Halim. 2018. LGBT: Antara sejarah dan kisah. Sinar Harian. diperoleh pada 17 Ogos 2018. <http://www.sinarharian.com.my>